

Rapatkan jurang antara angka KDNK dengan realiti kehidupan rakyat

• Gabungan disiplin fiskal, liberalisasi pelaburan dan governans lebih telus nampaknya membentuk asas kepada peningkatan kepercayaan pelabur antarabangsa

• Sebahagian permintaan domestik berdaya tahan yang dipuji dalam laporan KDNK sebenarnya disokong pembiayaan hutang, bukan pertumbuhan pendapatan sebenar



Pensyarah Kanan
Pusat Pengajian
Ekonomi, Wang
dan Bank,
Universiti Utara
Malaysia (UUM)

Oleh Dr Abu Sufian Abu Bakar
bhrencana@bh.com.my

Ekonomi Malaysia sedang mencatat satu daripada fasa pertumbuhan paling kukuh dalam dekad ini. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) berkembang 6 peratus pada suku kedua 2026, melonjak daripada 5.4 peratus pada suku pertama, menjadikan pertumbuhan separuh pertama tahun ini pada paras 5.7 peratus, jauh mengatasi purata tahunan sejak pandemik.

Pencapaian ini bukan kebetulan, sebaliknya disokong beberapa penanda aras antarabangsa yang turut menunjukkan peningkatan ketara.

Dari segi daya saing global, Malaysia melonjak lapan tangga ke kedudukan ke-15 daripada 70 ekonomi dalam Penarafan Daya Saing Dunia Institut Pembangunan

Pengurusan Antarabangsa (IMD) 2026, pencapaian terbaik negara dalam beberapa dekad.

Peningkatan ini disokong oleh kemajuan di semua empat tunjang penilaian: prestasi ekonomi, iaitu ranking keempat dunia; kecekapan kerajaan (naik ke-14); kecekapan perniagaan (naik ke-16) dan infrastruktur (naik ke-33).

Malaysia turut mencatat ranking kedua dunia dari segi kestabilan harga, dengan inflasi kekal di bawah 2 peratus sejak 2024 hingga pertengahan 2026 serta mengekalkan lebih banyak dagangan berterusan selama 28 tahun berturut-turut.

Indeks Persepsi Rasuah (CPI) oleh Transparency International (TI) turut mencatat peningkatan dengan skor Malaysia naik kepada 52 mata (daripada 50) pada 2025, mengangkat kedudukan negara ke tangga ke-54 daripada 182 negara, tertinggi dalam beberapa tahun.

Faktor penyumbang, termasuk pelaksanaan Akta Tanggungjawab Kewangan dan Fiskal 2023 serta pindaan kepada Akta Audit 1957 yang memperluas kuasa pengawasan Ketua Audit Negara ke atas syarikat berkahaja (GLC).

Pada bahagian pelaburan, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) melaporkan jumlah pelaburan diluluskan memecah rekod tertinggi RM426.7 bilion pada 2025, naik 11 peratus berbanding 2024 dengan pelaburan asing (FI) menyumbang RM207.1 bilion, meningkat 20.9 peratus tahun ke tahun.

Jepun muncul sebagai pelabur asing terbesar pada suku pertama 2026, dengan sebahagian besar dana dialirkan ke aktiviti transformasi digital. Dari sudut Imbangan Pembayaran, aliran masuk FDI bersih direkodkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) turut mencatat rekod RM65.9 bilion pada 2025, naik 41.2 peratus berbanding tahun sebelumnya, didorong sektor perkhidmatan, terutama teknologi maklumat.

Pelaksanaan agenda reformasi

Naratif rasmi kerajaan mengaitkan pencapaian ini dengan pelaksanaan agenda reformasi di bawah Ekonomi MADANI. Beberapa langkah struktur dikenal pasti menyumbang secara langsung: pengenalan Akta Tanggungjawab Kewangan dan Fiskal 2023 yang mendisiplinkan perbelanjaan awam; rasionalisasi subsidi secara berperingkat (diesel, telur, RON95 bagi warga asing) yang membebaskan ruang fiskal serta pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan



(SST) yang diperluas bagi mempelbagaikan sumber hasil negara.

Langkah ini dianggarkan mengurangkan defisit fiskal RM25.5 bilion setahun, kira-kira 1 peratus daripada KDNK.

Pada masa sama, kerajaan menggalakkan pelaburan strategik dalam sektor teknologi, tinggi termasuk pusat data, semikonduktor dan kecerdasan buatan (AI), melalui insentif disasarkan menerusi MIDA.

Rangka kerja Perkongsian Strategik Komprehensif Malaysia-Jepun turut membuka laluan pelaburan berkualiti tinggi. Gabungan disiplin fiskal, liberalisasi pelaburan dan governans lebih telus ini nampaknya membentuk asas kepada peningkatan kepercayaan pelabur antarabangsa serta penambahbaikan ranking daya saing dan tadbir urus negara.

Namun, angka makro cemerlang ini tidak sepatutnya membutakan kita daripada beberapa realiti struktur lebih mencabar.

Pertama, kos fiskal subsidi melonjak. Bagi mengekalkan harga RON95 bersubsidi ketiba harga minyak dunia melonjak akibat konflik Asia Barat, bil subsidi bahan api meningkat sepuluh kali ganda daripada RM700 juta sebelum pandemik RM7 bilion sebelum, dengan jumlah keseluruhan RM74 bilion memecah RM58.4 bilion pada 2026, jauh melebihi peruntukan asal RM15 bilion.

Ini menyebabkan pegawai kerajaan sendiri mengakui sasaran defisit fiskal 3.5 peratus mungkin tersasar sedikit, mencabar naratif disiplin fiskal dipuji dalam Akta 2023.

Kedua, hutang isi rumah membebaskan. Hutang isi rumah Malaysia berada pada paras membimbangkan, RM1.73 trilion atau 84.4 peratus daripada KDNK pada akhir Mac 2026, antara tertinggi di rantau Asia.

Bagi banyak keluarga, sehingga 50 peratus atau lebih pendapatan bulanan digunakan semata-mata untuk bayaran pinjaman rumah dan kenderaan. Ini bermakna sebahagian permintaan domestik berdaya tahan yang dipuji dalam laporan KDNK sebenarnya disokong pembiayaan hutang, bukan pertumbuhan pendapatan sebenar.

Ketiga, ketidakseimbangan sektoral. Data suku kedua 2026 menunjukkan sektor pertanian mengucut 3.7 peratus, satu-satunya sektor utama mundur berbanding pertumbuhan positif di sektor pembuatan,

perkhidmatan, perlombongan dan pembinaan.

Ini mencadangkan momentum pertumbuhan agak tertumpu pada beberapa kelompok berorientasikan eksport seperti elektrik & elektronik (E&E), yang terdedah kepada kitaran permintaan global dan risiko geopolitik, bukan pertumbuhan yang sekata merentas semua lapisan ekonomi.

Keempat, jurang antara pelaburan diluluskan dan pelaburan sebenar. Perlu diingatkan angka RM426.7 bilion dilaporkan MIDA mewakili pelaburan diluluskan, bukan semestinya wang yang benar-benar masuk dan digunakan.

Aliran FDI bersih sebenar direkodkan DOSM hanya RM65.9 bilion pada 2025, jauh lebih kecil daripada angka MIDA, walaupun kedua-duanya menunjukkan trend meningkat.

Kelima, walaupun ranking rasuah bertambah baik, ia masih jauh daripada sasaran. Transparency International Malaysia sendiri memberi amaran agar peningkatan skor tidak dianggap sebagai 'titik perubahan', memandangkan Malaysia masih memerlukan tambahan 16 mata lagi untuk mencapai sasaran kerajaan menembusi 25 teratas dunia menjelang 2033. Isu pembiayaan politik masih tidak telus turut dikenal pasti sebagai risiko governans berstruktur berterusan.

Pertumbuhan KDNK 6 peratus dan lonjakan pelbagai indeks antarabangsa bukan sekadar nombor di atas kertas ia bukti nyata disiplin fiskal, liberalisasi pelaburan dan tata kelola diperkukuh benar-benar membuahkan hasil, mengukuhkan keyakinan pelabur global dan meletakkan Malaysia pada landasan makroekonomi lebih kukuh berbanding sedekad lalu.

Namun, kejayaan sebegini tidak boleh dinilai secara cetek. Di sebalik carta menaik, tersembunyi kos sebenar ditanggung rakyat: belanjawan negara semakin tertekan akibat bil subsidi bahan api melonjak berlipat kali ganda, isi rumah semakin terhimpit beban hutang kian menggunung, manakala kemakmuran ekonomi masih berat sebelah, ia bergantung kuat pada segelintir sektor eksport sambil sektor lain seperti pertanian tercicir.

Angka KDNK gah tidak semestinya bermakna dapur rakyat lebih senang atau baki gaji lebih lega. Justeru, jurang antara kejayaan statistik dengan realiti kehidupan harian inilah yang wajib menjadi mercu tanda sebenar kejayaan dasar awam negara akan datang.